

# Censof, UPM bangunkan perisian tempatan

**CENTURY Software (M) Sdn Bhd**, anak syarikat Censof Holdings Bhd semalam mendatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi menjalankan kerjasama untuk memajukan industri pembangunan perisian dan sistem komputer tempatan.

Menerusi perjanjian lima tahun itu, Censof akan melatih pelajar UPM dengan memberikan pengalaman bekerja di anak syarikatnya, KnowledgeCom.

Pengarah Urusan Censof Datuk Samsul Husin berkata, syarikat itu telah menjalinkan kerjasama dengan UPM sejak 2000 tetapi MoU itu menjadi titik permulaan kedua pihak membina teknologi serta membangunkan tenaga kerja profesional.

Censof dan UPM juga akan menyediakan pusat penyimpanan data yang boleh digunakan agensi kerajaan dan institusi pengajian tinggi lain selain mempromosi sistem yang dibangunkan bersama kepada kerajaan dan korporat.